



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

*Information and Communication Technology
Satellite Account*



2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

*Information and Communication Technology Satellite
Account*

2021

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Economic and social statistics publication namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.*

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics, Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook / Twitter / Instagram : StatsMalaysia

Emel / Email : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data /
data request & enquiries)

Harga / Price : RM35.00

Diterbitkan pada Oktober 2022 / *Published on October 2022*

Hakcipta terpelihara / All rights reserved.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source : Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2289-778X

KATA PENGANTAR

Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah satu kerangka statistik untuk mengukur perkembangan prestasi industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) termasuk e-dagang dan sumbangannya kepada ekonomi. Penyusunan statistik ini dilaksanakan berdasarkan rangka kerja *System of National Accounts 2008, OECD Guide to Measuring the Information Society 2011* dan *OECD Internet Economy Outlook 2012*. Statistik ini disusun secara tahunan dengan mengintegrasikan produk dan industri berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama memaparkan penemuan utama, ringkasan penemuan dan rencana. Bahagian kedua menyediakan jadual statistik terperinci. Aspek teknikal berkaitan konsep, definisi, metodologi, sumber data serta kod & klasifikasi produk dan industri teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan dalam penerbitan ini diterangkan di bahagian ketiga bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Semua maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Oktober 2022

PREFACE

Information and Communication Technology Satellite Account is a statistical framework to gauge the performance of the Information and Communication Technology (ICT) industry inclusive of e-commerce and its contribution to the economy. The compilation of these statistics is in accordance with the framework of the System of National Accounts 2008, the OECD Guide to Measuring the Information Society 2011 and the OECD Internet Economy Outlook 2012. These statistics are compiled annually and integrate products and industries related to information and communication technology.

This publication is divided into three main parts. The first part displays the main findings, summary of findings and an article. The second part provides the detailed statistical tables. The technical aspects related to concepts, definitions, methodology, data sources and code & classification of information and communication technology products and industries used in this publication are described in the third part to assist users to understand the published statistics.

The Department acknowledges all the parties concerned for their cooperation in realising this publication. All feedback and suggestions towards improving future publications are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

October 2022

SINGKATAN / ABBREVIATIONS

Singkatan / Abbreviations

ASTMK	: Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi
b	: bilion / billion
BPM6	: <i>Balance of Payments and International Investment Position Manual Sixth Edition</i>
CPC	: <i>Central Products Classification</i>
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia / <i>Department of Statistics, Malaysia</i>
etc	: <i>et cetera / and other things</i>
GDP	: <i>Gross Domestic Product</i>
GVAICT	: <i>Gross Value Added of Information and Communication Technology industry</i>
i.e.	: <i>Latin expression meaning “that is; in other words”</i>
ICT	: <i>Information and Communication Technology</i>
ICTSA	: <i>Information and Communication Technology Satellite Account</i>
ISIC	: <i>International Standard Industrial Classification of All Economic Activities</i>
j	: juta
HS	: <i>Harmonized Commodity Description and Coding Systems</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
m	: million
MCPA	: <i>Malaysian Classification of Products by Activity</i>
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia / <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
n.e.c	: <i>not elsewhere classified</i>
NDKTMK	: Nilai Ditambah Kasar Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi
OECD	: <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
RM	: Ringgit Malaysia
SNA	: <i>System of National Accounts</i>
SUT	: Jadual Penawaran dan Penggunaan / <i>Supply and Use Table</i>
t.t.t.l.	: tidak terkelas di tempat lain
TMK	: Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Simbol / Symbols

-	: negatif / negative
..	: tidak berkenaan / not applicable
e	: anggaran / estimate
p	: permulaan / preliminary
0	: nilai kurang daripada 0.05 / value less than 0.05

Nota / Note

Penjumlahan angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

The sum of the component figures may not tally with the sub-total or total figures due to rounding.

KANDUNGAN / CONTENTS

	Muka Surat Page
Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Singkatan <i>Abbreviations</i>	iii
Bahagian 1: <i>Part 1:</i>	
Penemuan utama <i>Main findings</i>	1
Ringkasan penemuan <i>Summary of findings</i>	3
Inisiatif Kerajaan untuk Mengukuhkan Sektor TMK pada Tahun 2021 <i>Government Initiative to Strengthen the ICT Sector in 2021</i>	15
Rencana <i>Article</i>	17
Manfaat Kemajuan Teknologi Semasa Pandemik COVID-19 <i>Benefits of Technological Advancement during the COVID-19 Pandemic</i>	
Bahagian 2: Jadual Statistik <i>Part 2: Statistical Tables</i>	
1: Industri TMK dan industri lain yang mengeluarkan produk TMK <i>ICT industry and other industries that produce ICT products</i>	39
2A: Penawaran dan penggunaan produk TMK - RM Juta <i>Supply and use of ICT products - RM Million</i>	40
2B: Penawaran dan penggunaan produk TMK - Perubahan peratusan tahunan <i>Supply and use of ICT products - Annual percentage change</i>	44
2C: Penawaran dan penggunaan produk TMK - Peratus sumbangan <i>Supply and use of ICT products - Percentage share</i>	47
3: Eksport produk TMK <i>Exports of ICT products</i>	51
4: Import produk TMK <i>Imports of ICT products</i>	52
5: Komponen pendapatan Industri TMK <i>Income components of ICT industry</i>	53

KANDUNGAN / CONTENTS

	Muka Surat Page
6: Guna tenaga dalam industri TMK <i>Employment in the ICT industry</i>	54
7A: Nilai Ditambah Kasar Industri TMK - RM Juta <i>Gross Value Added of ICT Industry - RM Million</i>	55
7B: Nilai Ditambah Kasar Industri TMK - Perubahan peratusan tahunan <i>Gross Value Added of ICT Industry - Annual percentage change</i>	56
7C: Nilai Ditambah Kasar Industri TMK - Peratus sumbangan <i>Gross Value Added of ICT Industry - Percentage share</i>	59
8A: Nilai Ditambah Kasar e-dagang mengikut industri TMK <i>Gross Value Added of e-commerce by ICT industry</i>	60
8B: Nilai Ditambah Kasar e-dagang mengikut sektor utama <i>Gross Value Added of e-commerce by main sector</i>	61
9: Sumbangan TMK kepada ekonomi <i>ICT contribution to economy</i>	62
 Bahagian 3: <i>Part 3:</i>	
Nota teknikal <i>Technical notes</i>	61
Kod dan Klasifikasi <i>Code and Classification</i>	85


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2021

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menyumbang **23.2%** kepada KDNK dengan pertumbuhan sebanyak **12.1%**.

RM359.3b

2020: RM320.4b




Nilai Ditambah Kasar Industri TMK (NDKTMK)


RM217.1b
2020: RM201.4b



Nilai Ditambah Kasar E-dagang


RM201.1b
2020: RM163.8b



Eksport & Import Produk TMK


Eksport
RM360.8b
2020: RM314.8b




Import
RM261.2b
2020: RM215.8b



Guna Tenaga Industri TMK

Guna tenaga dalam industri TMK meningkat kepada **1.21 juta** orang



35.9%
2020: 35.3%



Pembuatan TMK

29.2%
2020: 29.5%



Perkhidmatan TMK

21.9%
2020: 21.7%



Perdagangan TMK

13.0%
2020: 13.5%



Kandungan & media

*Sumbangan (%)


Sumber: Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2021, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT 2021

The Information and Communication Technology (ICT) contributed **23.2%** to the GDP with a growth of **12.1%**.

RM359.3b


2020: RM320.4b



Gross Value Added ICT Industry (GVAICT)




Gross Value Added of E-commerce



Exports & Imports of ICT Products



RM360.8b
2020: RM314.8b



Employment of ICT Industry

Employment in the ICT industry increased to **1.21 million** persons



*Share (%)

Source: Information and Communication Technology Satellite Account, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

RINGKASAN PENEMUAN

PENGENALAN

Industri TMK
menunjukkan
perkembangan
yang positif


Penerbitan ini menyediakan statistik bagi Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ASTMK) di Malaysia bagi tahun 2021. ASTMK merangkumi statistik akaun satelit dan komponen bagi ekonomi digital. Statistik bagi akaun satelit menyediakan maklumat terperinci mengenai industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dan industri lain yang mengeluarkan produk TMK, penawaran dan penggunaan produk TMK, eksport & import produk TMK, komponen pendapatan dan guna tenaga dalam industri TMK. Sementara itu, Nilai Ditambah Kasar industri TMK (NDKTMK), e-dagang dan sumbangan TMK kepada ekonomi merupakan komponen bagi ekonomi digital turut disertakan dalam penerbitan ini. Statistik ini dibentangkan mengikut industri dan produk berkaitan TMK pada harga semasa.

SUMBANGAN TMK KEPADA EKONOMI

Sumbangan TMK kepada ekonomi kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit meningkat 12.1 peratus pada tahun 2021 (2020:10.5%) dengan nilai RM359.3 bilion. TMK menyumbang 23.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), merangkumi NDKTMK (14.0%) dan e-dagang bagi industri lain (9.2%) seperti ditunjukkan di **Paparan 1**.

Paparan 1

**Sumbangan TMK kepada Ekonomi:
Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan**



PRESTASI INDUSTRI TMK


NDKTMK meningkat kepada RM217.1 bilion dengan pertumbuhan yang lebih baik iaitu 7.8 peratus pada tahun 2021 berbanding 3.2 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh industri pembuatan TMK dan perkhidmatan TMK dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 11.1 peratus dan 7.0 peratus seperti ditunjukkan dalam **Paparan 2**.

Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna merupakan penyumbang utama kepada industri pembuatan TMK dengan 32.6 peratus. Manakala, bagi industri perkhidmatan TMK, ia diterajui oleh perkhidmatan telekomunikasi dengan sumbangan 31.5 peratus.

Paparan 2

Nilai Ditambah Kasar Industri TMK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan

Nilai Ditambah Kasar Industri TMK kekal **bertumbuh positif**



NILAI DITAMBAH KASAR E-DAGANG


Nilai Ditambah Kasar e-dagang mencatatkan RM201.1 bilion, meningkat sebanyak RM37.2 bilion pada 2021 dengan pertumbuhan 22.7 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh industri pembuatan TMK dan perkhidmatan TMK. Dari segi sumbangan kepada KDNK, e-dagang bagi industri TMK menyumbang sebanyak 3.8 peratus, manakala e-dagang bagi industri lain adalah 9.2 peratus (**Paparan 3**).

Sumbangan e-dagang kepada KDNK
13.0%

Sektor Pembuatan mendominasi Nilai Ditambah Kasar e-dagang dengan sumbangan 57.7 peratus dan mencatatkan nilai RM116.1 bilion. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi dengan 38.5 peratus.

Paparan 3

Nilai Ditambah Kasar E-dagang kepada KDNK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan




PENGELUARAN PRODUK TMK MENGIKUT INDUSTRI

Pengeluaran produk TMK berjumlah RM231.6 bilion pada 2021, meningkat 7.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2020: 2.1%). Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam industri pembuatan TMK (2021: 12.8%; 2020: 5.5%) dan perkhidmatan TMK (2021: 6.8%; 2020: 5.9%). Industri perkhidmatan TMK masing-masing menyumbang sebanyak 41.4 peratus sementara pembuatan TMK adalah 32.1 peratus kepada jumlah keseluruhan pengeluaran produk TMK (**Paparan 4**).



Paparan 4

Industri TMK dan Industri Lain yang Mengeluarkan Produk TMK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan




PENAWARAN DAN PENGGUNAAN PRODUK TMK

Penawaran dan penggunaan produk TMK menjana nilai RM945.4 bilion pada 2021, dengan pertumbuhan 11.4 peratus. Pengeluaran domestik menerajui jumlah penawaran produk TMK dengan sumbangan 71.8 peratus, diikuti oleh import produk TMK 27.6 peratus. Sementara itu, sumbangan penggunaan perantaraan produk TMK mencatatkan 46.6 peratus dan eksport, 38.2 peratus kepada jumlah penggunaan TMK (**Paparan 5**).

Paparan 5

Penawaran dan Penggunaan Produk TMK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan



EKSPORT DAN IMPORT PRODUK TMK

Eksport bersih produk TMK kekal bertumbuh positif


Eksport produk TMK melonjak 14.6 peratus berbanding 6.3 peratus pada 2020 dengan mencatatkan nilai RM360.8 bilion. Pengukuhan dalam eksport barang TMK dan perkhidmatan TMK telah mempengaruhi prestasi eksport produk TMK. Eksport produk TMK menyumbang 33.9 peratus kepada jumlah eksport negara.

Import produk TMK berjumlah RM261.2 bilion, dengan peningkatan 21.0 peratus dipacu oleh pertumbuhan barang TMK sebanyak 22.6 peratus. Import bagi produk TMK menyumbang 27.4 peratus kepada keseluruhan import pada tahun 2021 (**Paparan 6**).

Justeru, eksport bersih produk TMK kekal mencatatkan lebihan dengan nilai RM99.7 bilion pada tahun 2021.

Paparan 6

Eksport dan Import Produk TMK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan




KOMPONEN PENDAPATAN INDUSTRI TMK

Pendapatan industri TMK berjumlah RM217.4 bilion pada 2021 dengan peningkatan 7.8 peratus. Pampasan pekerja mencatatkan RM77.9 bilion dengan sumbangan 35.8 peratus kepada jumlah pendapatan industri TMK. Manakala, lebihan kendalian kasar menyumbang 62.2 peratus dan cukai tolak subsidi ke atas pengeluaran dan import adalah 2.0 peratus (Paparan 7).

Sumbangan
Pampasan
pekerja
35.8%

Paparan 7

Komponen Pendapatan Industri TMK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan




GUNA TENAGA DALAM INDUSTRI TMK

Jumlah guna tenaga dalam industri TMK
1.21 juta orang

Guna tenaga dalam industri TMK berjumlah 1.21 juta orang pada tahun 2021 dengan sumbangan 8.0 peratus kepada keseluruhan guna tenaga. Industri pembuatan TMK merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 35.9 peratus, diikuti oleh perkhidmatan TMK (29.2%) dan perdagangan TMK (21.9%) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 8**.

Paparan 8

Guna Tenaga dalam Industri TMK: Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan



SUMMARY OF FINDINGS

INTRODUCTION

The ICT Industry shows positive growth


This publication provides statistics on the Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) in Malaysia for the year 2021. ICTSA comprises statistics on satellite accounts and components of the digital economy. The satellite account statistics provide details on the Information and Communication Technology (ICT) and other industries producing ICT products, supply and use of ICT products, exports & imports of ICT products, income components and employment in the ICT industry. Meanwhile, Gross Value Added of the ICT industry (GVAICT), e-commerce and the contribution of ICT to the economy are the components of digital economy also included in this publication. The statistics are presented by industries and products related to ICT at current prices.

CONTRIBUTION OF ICT TO THE ECONOMY

The contribution of ICT to the economy remained double-digit increased by 12.1 per cent in 2021 (2020: 10.5%), valued at RM359.3 billion. ICT contributed 23.2 per cent to the Gross Domestic Product (GDP), comprises of GVAICT (14.0%) and e-commerce of other industries (9.2%) as shown in **Exhibit 1**.

Exhibit 1

ICT Contribution to the Economy:
Value, annual percentage change and percentage share




ICT contribution
to the economy
23.2%

PERFORMANCE OF ICT INDUSTRY

GVAICT increased to RM217.1 billion with a better growth of 7.8 per cent in 2021 compared to 3.2 per cent in the previous year. The growth was supported by ICT manufacturing industry and ICT services industry with a growth of 11.1 per cent and 7.0 per cent respectively as shown in **Exhibit 2**.

Electronic components & boards, communication equipment and consumer electronics was the main contributor to the ICT manufacturing industry with 32.6 per cent. Meanwhile, the ICT services industry, was led by telecommunications services with a share of 31.5 per cent.




GROSS VALUE ADDED OF E-COMMERCE

Gross Value Added of e-commerce registered RM201.1 billion, an increase of RM37.2 billion in 2021 with a growth of 22.7 per cent. The growth was supported by the ICT manufacturing and ICT services industries. In terms of contribution to GDP, e-commerce in the ICT industry contributed 3.8 per cent, while e-commerce in other industries contributed 9.2 per cent (**Exhibit 3**).


The Manufacturing sector dominated the Gross Value Added of e-commerce with a share of 57.7 per cent and registered a value of RM116.1 billion. The Services sector remained the second highest contributor with 38.5 per cent.

**Contribution of
e-commerce to
GDP
13.0%**

Exhibit 3**Gross Value Added of E-commerce to GDP:
Value, annual percentage change and percentage share****PRODUCTION OF ICT PRODUCTS BY INDUSTRY**

The production of ICT products amounted to RM231.6 billion in 2021, a rise of 7.0 per cent compared to the preceding year (2020: 2.1%). The expansion was supported by favorable performance in the ICT manufacturing (2021: 12.8%; 2020: 5.5%) and ICT services (2021: 6.8%; 2020: 5.9%) industries. The ICT services industry contributed 41.4 per cent while ICT manufacturing 32.1 per cent respectively to the total production of ICT products (**Exhibit 4**).

*Production of
ICT product
dominated by
ICT services*


Exhibit 4**ICT Industry and Other Industries that Produce ICT Products:
Value, annual percentage change and percentage share**

SUPPLY AND USE OF ICT PRODUCTS

The supply and use of ICT products generated a value of RM945.4 billion in 2021, with a growth of 11.4 per cent. Domestic production buoyed the total supply of ICT products with a contribution of 71.8 per cent, followed by imports of ICT products at 27.6 per cent. Meanwhile, the share of intermediate use of ICT products recorded 46.6 per cent and exports, 38.2 per cent to the total use of ICT (**Exhibit 5**).

Exhibit 5

Supply and Use of ICT Products:
Value, annual percentage change and percentage share




EXPORTS AND IMPORTS OF ICT PRODUCTS

 
Net exports of ICT products remained positive

Exports of ICT products rose 14.6 per cent as compared to 6.3 per cent in 2020 with a value of RM360.8 billion. The strength in exports of ICT goods and ICT services have influenced the exports performance of ICT products. Exports of ICT products contributed 33.9 per cent to the total national exports.


Imports of ICT products amounted to RM261.2 billion, an increase of 21.0 per cent driven by the growth of ICT goods of 22.6 per cent. Imports of ICT products accounted for 27.4 per cent of total imports in 2021 (**Exhibit 6**).

Hence, the net exports of ICT products remained surplus with a value of RM99.7 billion in 2021.

Exhibit 6
Exports and Imports of ICT Products:
 Value, annual percentage change and percentage share

INCOME COMPONENTS OF ICT INDUSTRY

Income of the ICT industry tallied at RM217.4 billion in 2021 with an increase of 7.8 per cent. Compensation of employees recorded RM77.9 billion, accounted for 35.8 per cent of the total ICT industry income. Meanwhile, gross operating surplus accounted for 62.2 per cent and taxes less subsidies on production and imports accounted for 2.0 per cent (**Exhibit 7**).

Contribution of compensation of employees
35.8%

Exhibit 7
Income Components of ICT Industry:
 Value, annual percentage change and percentage share



EMPLOYMENT IN THE ICT INDUSTRY

Total employment in the ICT industry
1.21 million persons

Employment in the ICT industry amounted to 1.21 million persons in 2021 with a share of 8.0 per cent to total employment. The ICT manufacturing industry was the major contributor with a share of 35.9 per cent, followed by ICT services (29.2%) and ICT trade (21.9%) as shown in **Exhibit 8**.

Exhibit 8

Employment in the ICT Industry:
Value, annual percentage change and percentage share



INISIATIF KERAJAAN UNTUK MENGUKUHKAN SEKTOR TMK PADA TAHUN 2021



13 – 26 Jan 2021

PKP 2.0

PKP bagi negeri Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor dan Sabah



18 Jan 2021

Pengumuman pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi membantu kelangsungan rakyat dan perniagaan



19 Feb 2021

Pelancaran inisiatif MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia

12 April 2021 #SayaDigital Memacu Masyarakat Digital

Gerakan #SayaDigital bertujuan meningkatkan kemahiran digital rakyat Malaysia dalam mendepani ekonomi digital

6 April 2021



KPDNHEP melancarkan program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) bagi menggalakkan penggunaan e-wallet

17 Mac 2021 PEMERKASA

Pengumuman Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bagi memacu pertumbuhan ekonomi

8 Mac 2021



Pelancaran program Bantuan "MyKasih Kapital" bagi mendorong golongan wanita menjana pendapatan dari rumah

25 Mei – 28 Jun 2021

PKP 3.0

Semua sektor tidak dibenarkan beroperasi kecuali perkhidmatan perlu dan sektor ekonomi



15 Jun 2021



Pengumuman Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)

10 Sept 2021

Peralihan PPN

Peralihan PPN Fasa 1 ke PPN Fasa 2 bagi Lembah Klang

22 Julai 2021



MOF melancarkan platform JanaNiaga

15 Jun 2021



Pelancaran kempen Go-eCommerce Onboarding & Shop Malaysia Online

30 Jun 2021



SME Corp menubuhkan MyAssist MSME sebagai portal khidmat nasihat perniagaan atas talian

16 Sept 2021

Go-eCommerce

Kehadiran semula penonton yang telah lengkap divaksinasi ke panggung wayang dan acara rekreasi

20 Sept 2021



Pengajuran Go-eCommerce Expo 2021

1 Okt 2021

Peralihan PPN

Peralihan ke PPN Fasa 3 bagi Lembah Klang

16 Okt 2021

Peralihan PPN

Peralihan ke PPN Fasa 4 bagi Lembah Klang

6 Dis 2021



Pelancaran Jalinan Digital Negeri (JENDELA) @PPR

30 Nov 2021



Pelancaran aplikasi MyVeteranMall untuk veteran ATM dan keluarga

21 Nov 2021



Pelancaran Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi)

21 Nov 2021



Pelancaran Program Pemerkasaan Pendigitalan PMKS bagi membantu usahawan mengetengahkan pendigitalan perniagaan

14 Dis 2021

5G

Pelancaran Makmal Ujian Keselamatan Siber 5G (My5G)

Nota:
KPDNHEP: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
KUSKOP: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
PMKS: Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

GOVERNMENT INITIATIVE TO STRENGTHEN THE ICT SECTOR IN 2021



13 – 26 Jan 2021

MCO 2.0

MCO for the states of Pulau Pinang, Selangor, Federal Territories, Melaka, Johor and Sabah



18 Jan 2021

peMai

Announcement of Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) package to help the survival of the people and businesses



19 Feb 2021

Launching of MyDIGITAL initiative and Malaysian Digital Economy Blueprint

12 April #SayaDigital 2021

Launching of #SayaDigital Malaysia aims to improve the digital skills of the Malaysian people in facing the digital economy

6 April 2021

KPDNHEP launched the Retail Sector Digitisation Initiative (ReDI) programme to encourage usage of e-wallets

17 Mar 2021

PEMERKASA

Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) to drive the economic growth

8 Mar 2021

Launching of "MyKasih Kapital" programme to encourage women to generate income from home



25 April 2021

MEDAC launched the Warongku platform as e-merchant

25 May – 28 June 2021

MCO 3.0

All sectors are not allowed to operate except for the essential services and economic sectors



15 June 2021

peMuliH

Announcement of the Perlindungan Rakyat dan Pemulihian Ekonomi (PEMULIH) package

10 Sept 2021

NRP transition

Transition of NRP Phase 1 to NRP Phase 2 for the Klang Valley

22 July 2021

JANA NIAGA

MOF launched the JanaNiaga platform

1 July 2021

SHOP MALAYSIA ONLINE

Launching of the Go-eCommerce Onboarding & Shop Malaysia Online campaign

30 June 2021

MY ASSIST MSME

SME Corp established MyAssist MSME as an online business advisory service portal



16 Sept 2021

Audience who are fully vaccinated are permitted into theaters and recreational events

Go-eCommerce

Launching of Go-eCommerce Expo 2021

20 Sept 2021

NRP transition

Transition to NRP Phase 3 for the Klang Valley

NRP transition

Transition to NRP Phase 4 for the Klang Valley

6 Dec 2021

Jendela

Launching of Jalinan Digital Negera (JENDELA) @PPR

30 Nov 2021

MyVeteranMall

Launching of the MyVeteranMall application for ATM veterans and families

21 Nov 2021

MCMC

Launching of Keluarga Malaysia Digital Economy (PEDI)

21 Nov 2021

MDEC

Launching of Program Pemerkaan Pendigitalan MSME to help entrepreneurs digitize commerce



14 Dec 2021

Launch of 5G Cyber Security Test Lab (My5G)

Notes:

KPDNHEP: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
MEDAC: Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

MSME: Micro, Small & Medium Enterprises



RENCANA *ARTICLE*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

RENCANA

MANFAAT KEMAJUAN TEKNOLOGI SEMASA PANDEMIK COVID-19¹

Oleh: Salmah Salleh², Farhana Ja'afar³, Mohamad Fahmi Razali⁴

^{2,3,4}Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia

1. Pengenalan

Perkembangan pesat dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi, telah membawa kepada perubahan gaya hidup dalam kalangan masyarakat. Situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak awal tahun 2020, telah mencetuskan fenomena norma baharu dalam kehidupan merangkumi aspek komunikasi, sosial, ekonomi, pendidikan dan perniagaan. Menurut Dr. Romlah (2020), Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 bermula pada 18 Mac 2020 telah menyebabkan berlakunya peralihan kehidupan rakyat Malaysia dalam meneruskan urusan kerja sehari-hari daripada secara fizikal kepada maya. Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi ini membawa kepada penggunaan elektronik yang menyeluruh dalam urusan harian seperti aplikasi e-niaga, e-kerajaan, e-dagang, e-pembelajaran dan e-kesihatan.

Bidang komunikasi, teknologi maklumat dan pemasaran telah mewujudkan perubahan yang baharu terhadap penggunaan internet untuk perkhidmatan dan pembelian produk. Penggunaan internet telah menjadi semakin meluas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19, terutamanya dalam dari aspek bekerja dari rumah, membuat pesanan barang atas talian, mendapatkan maklumat kesihatan secara atas talian dan perbankan atas talian.

Kewujudan rangkaian mudah alih 5G yang diperkenalkan pada penghujung tahun 2020 telah merancakkan lagi penggunaan internet di seluruh dunia. Rangkaian ini merupakan sambungan internet mudah alih yang menawarkan kelajuan yang lebih pantas berbanding 4G. Ini secara tidak langsung dapat mempercepatkan lagi proses kemajuan masyarakat ke arah teknologi dan memberi manfaat kepada semua pengguna terutama semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan *Digital 2021 Global Overview Report*, terdapat 4.66 bilion pengguna internet di seluruh dunia pada 2020 meningkat sebanyak 316 juta pengguna berbanding 2019 dan secara purata pengguna memperuntukkan masa selama 6 jam 54 minit dalam talian setiap hari. Begitu juga, Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah menunjukkan peratus penggunaan internet oleh individu telah meningkat

¹ Artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

kepada 89.6 peratus pada tahun 2020 berbanding 84.2 peratus pada 2019 (DOSM, 2021).

Artikel ini bertujuan untuk melihat manfaat kemajuan teknologi dalam membantu masyarakat Malaysia memudahkan urusan harian semasa pandemik COVID-19 dari segi membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian, bekerja dari rumah, menggunakan perbankan internet dan mendapatkan maklumat kesihatan.

2. Sorotan Karya

Teknologi merupakan satu istilah yang bukan lagi asing dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Boleh dikatakan setiap individu memiliki peralatan teknologi dan komunikasi sendiri seperti komputer riba atau komputer peribadi, telefon bimbit, internet, radio, telefon talian tetap dan sebagainya. Pertalian teknologi dan masyarakat pada hari ini sangat sinonim kerana kebanyakannya telah menjadikan media sosial sebagai suatu status perhubungan sesama masyarakat. Menurut kajian oleh Farhan et al. (2016) mendapati permintaan terhadap pembelian atas talian telah meningkat sejak satu dekad yang lalu selaras dengan peningkatan jumlah penggunaan internet. Hasil kajian oleh Nur Ain et al. (2021) menunjukkan 91.3 peratus responden menyatakan bahawa internet merupakan keperluan utama dalam menjalankan tugas harian terutama semasa pandemik COVID-19.

Perkembangan pesat teknologi hari ini telah memberi impak yang sangat besar kepada hampir ke semua sistem seluruh dunia. Tranformasi ledakan maklumat yang berlaku sejak akhir-akhir ini telah menjadikan kehidupan masyarakat bergantung kepada teknologi digital. Tambahan pula, dengan wabak pandemik COVID-19 yang merentangkan kehidupan normal telah menguatkan lagi kebergantungan kepada teknologi digital untuk kelangsungan urusan harian. Kemajuan teknologi ini bukan sahaja memudahkan proses sesuatu sistem dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti penghasilan, bahkan ia mempercepatkan lagi aliran kerja (Ahmad et al., 2014).

Menurut Lan Ho, Pengarah Urusan Serantau Shopee, telah mengubah cara hidup, bekerja dan berbelanja secara atas talian di Malaysia (Bernama, 2020). Masyarakat dilihat semakin selesa dengan keseluruhan kemajuan digital yang semakin berkembang pesat. Sejak peningkatan penggunaan internet dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, membeli-belah dalam talian telah menjadi keutamaan dalam budaya moden.

Kemunculan virus COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada semua pihak dalam menjalani kehidupan seharian. Menurut kajian yang dilakukan oleh Abdul Rashid et al. (2021) masyarakat mula menjadi paranoid terhadap virus COVID-19. Perasaan takut telah mengubah gaya perbelanjaan daripada melakukan pembelian secara fizikal kepada

berbelanja atas talian. Pandemik ini juga mencetuskan peningkatan yang mendadak terhadap jualan atas talian. Pergerakan ke kedai fizikal yang terhad telah memberi kesan kepada pengguna untuk beralih membeli belah secara atas talian yang menyebabkan pembelian atas talian meningkat (Shengyu Gu et al., 2021). Kajian ini disokong oleh Azlina dan Nurhafizah, 2020 yang mendapati sebanyak 94.0 peratus responden mengakui telah menggunakan kaedah pembelian tanpa tunai semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

3. Metodologi

Analisis ini menggunakan data siri masa bagi tahun 2019 hingga 2021 daripada penerbitan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh individu dan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia. Analisis deskriptif digunakan dalam artikel ini dengan melihat manfaat penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam membantu masyarakat memudahkan urusan harian semasa pandemik COVID-19. Analisis berdasarkan kepada peratusan dari segi membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian, bekerja dari rumah, menggunakan perbankan internet dan mendapatkan maklumat kesihatan mengikut negeri dan jantina.

4. Hasil Analisis


Data yang digunakan merujuk kepada data daripada Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh individu dan Isi Rumah (ICTHS) bagi tahun 2019 hingga 2021. Survei ICTHS 2019 dilaksanakan selama tiga bulan iaitu pada September hingga November 2019, manakala bagi Survei ICTHS tahun 2020 dan 2021 dilaksanakan dari bulan Oktober hingga Disember 2020 dan 2021. Rangka persampelan yang digunakan bagi pemilihan sampel ICTHS 2019 dan 2020 adalah berdasarkan Rangka Persampelan Isi Rumah yang terdiri daripada blok penghitungan yang diwujudkan untuk Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang dikemaskini dari semasa ke semasa. Blok penghitungan dari operasi survei ini mengandungi 80 hingga 120 Tempat Kediaman.

i. Membuat Pesanan Barang atau Perkhidmatan Atas Talian

Berdasarkan **Carta 1**, corak perbelanjaan atas talian telah meningkat daripada 22.5 peratus pada 2019 kepada 54.4 peratus pada 2020 dan terus meningkat sebanyak 60.6 peratus pada 2021. Analisis mengikut negeri menunjukkan bahawa negeri Terengganu mencatatkan peratusan paling tinggi individu dalam membuat pesanan barang atau perkhidmatan atas talian pada 2020 meningkat daripada 73.8 peratus kepada 80.2 peratus pada 2021. Dari segi jantina pula, peratusan perempuan lebih tinggi membuat pesanan barang dan perkhidmatan atas talian

iaitu 61.6 peratus berbanding lelaki 59.8 peratus yang menggunakan perkhidmatan ini. Aplikasi yang digunakan antaranya adalah *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Shopee*, *Lazada*, *Foodpanda* dan pelbagai lagi aplikasi yang menawarkan perkhidmatan atas talian. Dengan bantuan teknologi, tingkah laku membuat pesanan barang atau perkhidmatan menjadi lebih mudah terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan.


Carta 1: Peratusan Individu yang Membuat Pesanan Barang atau Perkhidmatan Atas Talian mengikut Negeri dan Jantina, 2019-2021



ii. Bekerja dari Rumah

Peratusan individu yang bekerja dari rumah meningkat pada 2020 dan 2021 dengan masing-masing 16.1 peratus dan 18.1 peratus berbanding 11.0 peratus pada 2019. Berdasarkan analisis mengikut negeri didapati W.P Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi bekerja dari rumah pada 2020 iaitu 41.9 peratus dan terus meningkat pada 2021 dengan 50.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2019: 28.3%). Ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Selangor dengan masing-masing mencatatkan 34.4 peratus dan 24.6 peratus pada 2021. Analisis berdasarkan jantina mendapati peratusan golongan lelaki yang bekerja dari rumah lebih tinggi berbanding perempuan bagi ketiga-tiga tahun seperti di **Carta 2**. Peratusan bekerja dari rumah lebih rendah berbanding aktiviti-aktiviti lain disebabkan oleh sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan hanya perkhidmatan perlu sahaja dibenarkan untuk beroperasi.


Carta 2: Peratusan Individu yang Bekerja dari Rumah mengikut Negeri dan Jantina, 2019-2021



iii. Menggunakan Perbankan Internet

Berdasarkan **Carta 3**, peratusan penggunaan perbankan internet mencatatkan peningkatan daripada 50.5 peratus pada 2019 kepada 61.9 peratus pada 2020 dan terus meningkat kepada 70.5 peratus pada 2021. Analisis mengikut negeri menunjukkan W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi pada 2020 iaitu 86.3 peratus berbanding 80.5 peratus pada 2019. Jumlah peratusan ini terus meningkat pada 2021 dengan 89.5 peratus. Dari 2019 hingga 2021, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam menggunakan perbankan internet.


Carta 3: Peratusan Individu Menggunakan Perbankan Internet mengikut Negeri dan Jantina, 2019-2021



iv. Mendapatkan Maklumat Kesihatan

Jumlah peratusan individu yang mendapatkan maklumat kesihatan telah meningkat daripada 45.3 peratus pada 2019 kepada 61.9 peratus pada 2020. Peratusan ini terus menunjukkan peningkatan pada 2021 dengan 73.8 peratus (**Carta 4**). W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi dengan 89.8 peratus pada 2020. Walau bagaimanapun, pada 2021 negeri Terengganu telah mencatatkan jumlah peratusan tertinggi iaitu 91.5 peratus, diikuti oleh negeri Kedah 87.6 peratus. Analisis mengikut jantina menunjukkan bahawa golongan perempuan mencatatkan peratusan lebih tinggi bagi mendapatkan maklumat kesihatan melalui aplikasi kesihatan berbanding lelaki iaitu 75.6 peratus.

Carta 4: Peratusan Individu Mendapatkan Maklumat Kesihatan mengikut Negeri dan Jantina, 2019-2021



4. Perbincangan dan Rumusan

Penularan pandemik COVID-19 di Malaysia telah memberi pelbagai impak kepada ekonomi dan sosial. Pelbagai kajian telah dijalankan bagi melihat kesan positif dan negatif daripada COVID-19 dan pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti seperti pembelian atas talian, bekerja dari rumah, penggunaan perbankan internet dan mendapatkan maklumat kesihatan dari atas talian.

Berdasarkan *Internet Users Survey 2020* oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati aktiviti yang sering digunakan atas talian dan berada di kedudukan paling atas adalah aktiviti komunikasi melalui teks iaitu sebanyak 98.1 peratus pada tahun 2020 berbanding 96.5 peratus pada 2018, contohnya aplikasi WhatsApp, Telegram dan Messenger. Penggunaan aplikasi WhatsApp, akses kepada semua aktiviti seperti mesej, panggilan, video dan pesanan suara, sekaligus menjadikan teknologi ini sangat mudah diakses dan dapat

memberikan manfaat kepada semua golongan secara percuma. Justeru, kemajuan teknologi digital ini dilihat banyak memberikan manfaat kepada masyarakat dalam memudahkan urusan seharian.

Menurut Laporan Bank Negara Malaysia, transaksi perbankan atas talian di kalangan rakyat Malaysia meningkat pada tahun 2021 dan 2020 dengan masing-masing berjumlah 3.5 bilion dan 2.5 bilion berbanding tahun 2019 iaitu 1.7 bilion. Amalan transaksi tanpa tunai lebih menjadi keutamaan di kalangan masyarakat Malaysia berikutan kebimbangan terhadap jangkitan wabak COVID-19. Masyarakat mula selesa beralih kepada pembayaran tanpa tunai bagi segala jenis urusan termasuklah membuat pembelian barang, pembayaran bil utiliti, pembelian makanan, pembaharuan insurans dan lain-lain.

Kemajuan teknologi telah banyak membantu masyarakat mendapatkan pelbagai jenis maklumat kesihatan melalui medium internet. Terdapat pelbagai laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan berkaitan kesihatan seperti aplikasi MySejahtera, laman sosial kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan sebagainya. Ekoran daripada pandemik COVID-19 yang melanda, kerajaan secara proaktif telah membangunkan aplikasi MySejahtera.

